

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]

SOALAN : Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan statistik hasil pengeluaran pertanian dan penternakan negara ketika musim jerebu sepanjang tahun ini dan tindakan Kementerian memastikan hasil pengeluaran mampu menyumbang kepada sumber makanan negara dan eksport.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Secara amnya, perubahan iklim telah memberi kesan terhadap sektor pertanian di seluruh negara. Fenomena El-Nino yang membawa kepada kesan kemarau boleh menjejaskan sektor tanaman, ternakan dan perikanan di negara ini. Walau bagaimanapun, kemerosotan stok bekalan makanan mentah akibat fenomena El-Nino pada tahun ini adalah tidak ketara. Hal ini dibuktikan dengan laporan statistik pengeluaran makanan bagi komoditi terpilih seperti berikut :

Komoditi	Pengeluaran Sebelum Fenomena El-Nino (Mt)			Pengeluaran Selepas Fenomena El-Nino (Mt)		
	Okt 2015	Nov 2015	Dis 2015	Jan 2016	Feb 2016	Mac 2016
Padi	63,996	83,516	144,438	1,081,193*	139,498	81,520
Buah-buahan	132,443	114,784	88,295	68,354	70,106	78,870
Sayur-sayuran	103,766	79,742	63,732	105,115	131,394	157,673
Ikan	182,817	167,636	155,871	157,946	142,237	175,438
Daging ayam/itik	126,148	118,918	124,591	138,750	118,914	127,760
Daging kambing/bebiri	208	291	261	143	158	186
Daging lembu/kerbau	2,468	3,284	3,011	2,973	2,186	3,295

**Tempoh penuaian kawasan penanaman padi utama. Oleh yang demikian, hasil tuaian adalah tinggi berbanding bulan-bulan yang lain.*

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan beberapa tindakan bagi mengurangkan kesan fenomena El-Nino terhadap sektor agromakanan bagi memastikan hasil pengeluaran mampu menyumbang kepada sumber makanan negara dan eksport. Bagi **sektor tanaman** tindakan yang diambil adalah seperti berikut :

- i. Memperhebat aktiviti pengembangan pertanian bagi mengurangkan kesan El-Nino kepada petani;
- ii. Memastikan sumber air pertanian terjamin seperti melalui pembinaan empangan kecil, meningkatkan keupayaan kolam takungan, membina *tube well* dan meningkatkan kecekapan penyaluran air melalui penggantian pam;
- iii. Menggalakkan penggunaan air secara minimum dengan menggunakan sistem pengairan titis (*drip irrigation*) dan *mist blower* terutamanya untuk sayur-sayuran daun; dan
- iv. Menggalakkan penggunaan teknik sungkupan terutamanya dari bahan organik.

Selain itu bagi **sub-sektor padi**, penjadualan semula penanaman padi di kawasan yang terkesan akibat El-Nino dilaksanakan dan memastikan sumber air adalah mencukupi sebelum penanaman padi dimulakan.

Bagi **sektor ternakan**, antara langkah yang sedang dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut :

- i. Menyediakan pek makanan ternakan ruminan yang mengandungi kombinasi vitamin dan cecair tenaga (*stress pack*) kepada penternak ruminan sekiranya terdapat keperluan; dan
- ii. Memberi khidmat nasihat kepada penternak supaya memastikan bekalan air minuman kepada ternakan adalah mencukupi.

Manakala bagi **penternakan akuakultur**, antara langkah yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

- i. Menasihati penternak untuk melakukan penjadualan semula ternakan (*break cycle*, penyelenggaraan, asuhan dalam bangunan dan lain-lain);
- ii. Menggalakkan penggunaan *recirculating water* di mana penternak udang dan *hatcheri* digalakkan menggunakan semula air ternakan selepas dirawat selain meminimumkan pengepaman air baru ke *hatcheri* dan kolam untuk operasi ternakan; dan
- iii. Memantau dan memberi nasihat teknikal kepada pengusaha akuakultur mengenai langkah-langkah menangani impak El-Nino serta membantu pengusaha ternakan melalui bantuan bencana dan input benih ternakan apabila keadaan sesuai.

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **YB TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]**
SOALAN : **119**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah keberhasilan yang telah dikecapi melalui inisiatif *Malaysian Commercialization Year* seperti yang diperkenalkan oleh Kementerian sebagai usaha untuk tingkatkan keberkesanan usaha ekosistem pengkomersialan negara serta apakah sasaran yang telah ditetapkan untuk melonjakkan hasil penyelidikan, pembangunan dan inovasi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 (MCY 2016), pelbagai program yang bertujuan melonjakkan pengkomersialan hasil produk R&D tempatan telah dilaksanakan. Program-program ini mempunyai ciri-ciri utama yang mana ia melibatkan sinergi usaha antara semua pihak dalam landskap STI nasional. **Salah satu elemen utama adalah perkongsian KPI** yang mana setiap agensi/institusi penyelidikan perlu mengkomersialkan produk hasil R&D agensi/ institusi penyelidikan masing-masing. Sehingga September 2016, sejumlah 71 produk daripada pelbagai

sektor telah berjaya dikomersialkan. **Adalah dijangka menjelang akhir tahun 2016, sebanyak 150 produk dan perkhidmatan yang berasaskan teknologi dapat dikomersialkan.**

Sempena MCY 2016 juga, **ekosistem pengkomersialan negara telah dikenal pasti yang meliputi input dasar, penyedia pembiayaan, agensi penyelidikan dan agensi-agensi pengkomersialan.** Ekosistem ini diurus tadbir di bawah Jawatankuasa Pemandu Tahun Pengkomersialan Malaysia bertujuan untuk mengurus inisiatif-inisiatif pengkomersialan R&D yang lebih menyeluruh. Kolaborasi dan penglibatan rakan-rakan strategik yang lain termasuklah Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, Kementerian Kewangan dan lain-lain Kementerian yang terlibat dalam aktiviti R&D dan pembangunan teknologi, serta agensi-agensi lain seperti SME Corp., MATRADE, Agensi Inovasi Malaysia, Malaysian Industry-Government Group For High Technology (MIGHT) dan agensi-agensi di bawah MOSTI akan diperkukuhkan pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan MCY dijalankan dalam 3 fasa, di mana dalam tahun pertama 2016, usaha-usaha tertumpu kepada penambahbaikan struktur tadbir urus pengkomersialan hasil R&D negara, peningkatan kesedaran dan budaya pengkomersialan dan membangunkan satu ekosistem pengkomersialan yang komprehensif. Fasa ke-2 (dari tahun 2017-2019) adalah untuk meningkatkan keberkesanan ekosistem pengkomersialan, menetapkan strategi pengkomersialan untuk *niche markets* dan perluasan penggunaan hasil R&D negara ke tahap global.

Justeru, atas kejayaan pelaksanaan fasa pertama MCY dan dalam usaha untuk menjadikan negara sebagai hab teknologi yang kompetitif di rantau ini, dalam tahun 2020. Kerajaan telah menetapkan sasaran supaya **Inisiatif Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) akan memperluaskan penglibatan program pengkomersialan hasil R&D negara kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, kesemua universiti awam dan swasta serta agensi-agensi berkaitan perkhidmatan dan pembangunan teknologi.** Usaha menyeluruh ini diharap dapat mempercepatkan pencapaian sasaran untuk meningkatkan kadar pengkomersialan hasil R&D negara kepada 10% bagi tempoh 5 tahun akan datang.

Program pengiktirafan kejayaan pengkomersialan turut buat pertama kali akan diadakan menerusi Anugerah Produk Pengkomersialan Terbaik yang bakal diadakan semasa Acara Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY Summit) 2016.

Dengan usaha yang berterusan ini, kita yakin produk-produk R&D tempatan dapat dikomersialkan dan dipasarkan secara lebih meluas di dalam malahan hingga ke luar negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG
[TEBRAU]

SOALAN :-

Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan muat-turun, aduan diterima dan aduan diselesaikan semenjak pelancaran app Kepoh telefon bimbit.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Aplikasi iKepoh, dahulunya dikenali sebagai E-CAKNA, telah dilancarkan pada 28 Oktober 2015. Aplikasi ini membolehkan rakyat membuat aduan tentang permasalahan yang berada di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui telefon pintar masing-masing. Ianya boleh dimuat turun melalui Google Play Store, Apple App Store & Gamma Malaysia secara percuma. Terdapat 10 kategori aduan yang boleh dipilih pengadu menggunakan aplikasi ini antaranya adalah berkaitan kerosakan jalan, sampah, longkang/parit, lampu/lampu isyarat dan lain-lain.

Sehingga 5 Oktober 2016, bilangan muat turun aplikasi iKepoh bagi kedua-dua platform mudah alih android dan iOS adalah sebanyak 2,755. Majoriti daripada muat turun adalah daripada platform android iaitu sebanyak 2,348 dan daripada platform iOS iaitu sebanyak 407 muat turun.

Manakala bagi aduan pula, sebanyak 1,520 aduan telah diterima melalui aplikasi iKepoh. Daripada jumlah berkenaan, 521 aduan telah diselesaikan, 821 aduan sedang dalam tindakan dan 174 aduan merupakan aduan baharu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' NORMALA BINTI
ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]**

SOALAN :

YB Dato' Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah relevan untuk melaksanakan kaedah pengundian pos untuk pelajar-pelajar di institusi pengajian awam dan swasta dalam negara serta apakah kekangan-kekangan yang dihadapi untuk melaksanakan perkara ini.

.IT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengundian secara pos yang dilaksanakan pada ketika ini diberikan kepada beberapa kategori pengundi iaitu anggota, pegawai dan petugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM), anggota media, pengundi yang berada di luar negara yang tidak dapat pulang untuk mengundi pada hari mengundi dan Pengundi Tidak Hadir (PTH) luar negara.

Menyentuh mengenai kaedah pengundian secara pos kepada pelajar-pelajar di institusi pengajian awam dan swasta dalam negara, SPR berpendapat bahawa pelajar-pelajar di institusi pengajian awam dan swasta dalam negara boleh hadir sendiri ke pusat mengundi untuk mengundi.

Sekian. Terima kasih.